**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**KERATAN AKHBAR**
**24 Oct2021 (Sunday)**

**Berita Harian**
'Pantau projek elak lantik kontraktor penyelamat' 1
'Kerajaan usah tangguh bayar pemaju' 2
PATI lari tinggalkan isteri di sekatan jalan 3
Kraf bunga tekap digemari pelancong 4

**Utusan Malaysia**
Bukit Tarek: Air Selangor mohon kerja penyambungan 5
Raja Muda Selangor lancar buku Pelan Strategik JAIS 2020-2024 6

**Harian Metro**
NASIB TERBELA 7
HIKMAH MEMPERINGATI MAULID NABI SAW 8

**Kosmo**
80km laluanberbasikal bakal dibina di shah alam 9
Pasukan LZS bekorban nyawa bantu asnaf 10
Dakwaan klang daerah berbahaya di asia tidak benar 11
Asakan toman `enam jahanam` di tasik unisel 12

**Berita Harian Online**
Pelabur Eropah beri komitmen kukuh labur RM14.1 bilion - MITI 13

**KOSMO Online**
Asakan toman ‘enam jahanam’ di tasik Unisel 14
Undi18: Selangor akan pinda undang-undang tubuh negeri 15
Klang masih selamat diduduki 16

**Malaysiakini Online**
Pelabur Eropah beri komitmen labur RM14.1 bilion di M'sia - Miti 17
MP PKR minta empat Adun paling tadah tanding atas tiket bebas 18

**myMetro On-line**
Lima beradik kematian ibu bapa akibat Covid-19 terima bantuan Perkeso 19
Pelabur Eropah beri komitmen labur RM14.1 bilion: Miti 20
Peluang Selangor teraju aeroangkasa 21

**Sinar Harian Online**
Bajet Selangor 2022: Pindaan undi 18 perlu diberi perhatian 22
Jelajah Selangor Bekerja 2021 tawar 3,000 peluang pekerjaan 23
MBSA rancang bina laluan basikal 80km 24
Usul Enakmen Majlis Penggerak Belia Selangor dibawa ke DNS 25
'Dakwaan Klang bandar berbahaya di Asia adalah keterlaluan' 26

**Utusan Malaysia Online**
Bukit Tarek: Air Selangor mohon kerja penyambungan paip 27
Peluang kedua Guru KAFA ambil vaksin 28
SelVax Remaja: 3,416 remaja bakal divaksin 29
Undi18: Selangor akan pinda undang-undang tubuh negeri 30
19 mangsa banjir ditempatkan di PPS SMK Dato Hamzah 31

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

Klang masih selamat diduduki – Yang Dipertua MPK 32
Lebih 1,000 Baucar Pelancongan Selangor 2.0 ditebus sejak malam tadi 33
Selangor masih mampu urus sampah, sisa pepejal 34
Selangor masih mampu urus sampah, sisa pepejal 35

**Lite FM**
More Than 3,000 Student From Selangor Will Received The Covid-19 Vaccine 36

**Malaysiakini Online**
Miti: European investors committed to RM14.1b in investments 37

**New Straits Times Online**
KPS secures RM91.6mil water treatment contract from Air Selangor 38

**The Malay Mail Online**
Miti: European investors make strong commitment to invest RM14.1b in Malaysia 39
Selangor Youth Mobilisation Council Enactment to be tabled at upcoming state assembly, says state exco 40

**The Star Online**
Hee: Developers hold land titles for plots of Shah Alam forest reserve 41
Miti: European investors make strong commitment to invest RM14.1bil in Malaysia 42
When fate of forest reserves hangs in the balance 43
Covid-19: Selangor to kickstart youth vaccination programme on Sunday (Oct 24) 44
Trading ideas: IGB, Pantech, Kossan, Sime Plantation, LCTitan 45

**China Press**
MPK warns 3,000 manufacturers that they will fine RM250,000 if the dormitory violates the regulations 46
MPKJ organizes a customer day to resolve complaints about people's livelihood and renew licenses 47
Selangor MB: State government strives to promote the airline industry to achieve the level of tourism before the pandemic. 48

**Nanyang Siang Pau**
City council fines rulebreaking restaurants for using back alleys as kitchens and dumping grease into drains 49
Learning smartphone and MySJ 50

**Makkal Osai**
Klang Municipal Council deny the claims Klang most unsafe city in South-East Asia 51

**Malaysia Nanban**
Second Selangor - Perak linking bridge 52

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 October 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | 'Pantau projek elak lantik kontraktor penyelamat' |
| Muka Surat | : | 2 |

# 'Pantau projek elak lantik kontraktor penyelamat'

**Kuching:** Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mahu projek kerajaan dipantau rapi bagi memastikan ia disiapkan mengikut jadual, sekali gus mengelak melantik kontraktor penyelamat yang merugikan semua pihak dan menyebabkan peningkatan kos.

Perdana Menteri berkata, pelantikan kontraktor penyelamat selepas kontraktor asal gagal melaksanakan projek bukan sahaja merugikan, tetapi turut mengecewakan rakyat yang amat mengharapkan kemudahan disediakan kerajaan.

"Sebab itu, pemantauan perlu dijalankan bagi mengelak ia (projek) gagal disiapkan. Kita (tidak harus) ambil tindakan selepas projek itu gagal dengan melantik kontraktor penyelamat pula. Kalau boleh, saya memang tidak mahu ada kontraktor penyelamat lagi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke projek Hospital Petra Jaya, di sini semalam, yang turut disertai Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg dan Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Projek Hospital Petra Jaya bernilai RM480 juta bermula pada 2013 dan sebelum ini dijadualkan siap pada November 2016, namun terbengkalai hingga kini.

Ismail Sabri berkata, beliau dimaklumkan Jabatan Kerja Raya (JKR), hospital berkenaan yang mempunyai kapasiti 300 katil, dijadualkan siap pada 2024.

"Saya amat berharap projek itu boleh disiapkan pada 2024 dan rancangan untuk menempatkan pakar tertentu di sini akan kita bincangkan dengan Kementerian Kesihatan," katanya.

Terdahulu, Ismail Sabri yang dalam rangka lawatan sulung ke negeri ini selepas dilantik Perdana Menteri pada Ogos lalu, menghadiri taklimat rancangan untuk menjadikan Sarawak negeri maju menjelang 2030.

Mengulas taklimat berkenaan, beliau berkata, Kerajaan Persekutuan bersedia membantu Sarawak berkaitan penyediaan kemudahan infrastruktur, khususnya di kawasan luar bandar.

"Pada taklimat itu, saya dimaklumkan keperluan Kerajaan Sarawak untuk meningkatkan kemudahan seperti utiliti air, jalan luar bandar, selain naik taraf dan bina baharu sekolah serta kuaters guru yang perlu diberi perhatian segera. Saya sudah beri komitmen kepada kerajaan Sarawak yang kita akan bantu dari segi pembangunan luar bandar," katanya.

Ismail Sabri berkata, beliau sudah mengarahkan Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ruji Ubi berbincang dengan Setiausaha Kerajaan Sarawak, Datuk Amar Jaul Samion bagi menyelesaikan perkara berbangkit berhubung keperluan Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**KERATAN AKHBAR**
**24 October 2021**

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | 'Kerajaan usah tangguh bayar pemaju' |
| Muka Surat | : | 8 |

# 'Kerajaan usah tangguh bayar pemaju'

**Labuan:** Bayaran segera perlu dibuat kepada pemaju dan kontraktor sebaik kerja pembinaan projek kerajaan di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR) dilaksanakan mereka diperakui siap.

Ketua Pengarah JKR, Datuk Ir Mohamad Zulkefly Sulaiman, berkata langkah itu bagi membantu kontraktor dan pemaju yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), selain penting dalam usaha merancakkan semula pertumbuhan ekonomi negara.

"Sebaik projek sudah diperakui siap, bayaran perlu dipercepatkan bagi membantu kontraktor dan pemaju terus kekal dalam perniagaan dan juga menangani isu kelewatan projek. Dalam jangka panjang, ia akan membantu menjana semula pertumbuhan ekonomi kita.

"Usaha menyegerakan bayaran kepada pemaju dan kontraktor juga dapat mendorong syarikat lain mempercepatkan kerja pembinaan mengikut jadual ditetapkan supaya mendapat bayaran lebih awal," katanya ketika melawat projek pembinaan Jalan Pesisir Pantai Labuan, di sini.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>24 October 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | PATI lari tinggalkan isteri di sekatan jalan |
| Muka Surat | : | 18 |

# PATI lari tinggalkan isteri di sekatan jalan



*Aedy Fadly (kanan) memeriksa kenderaan ketika Op Bersepadu Jabatan Pengangkutan Jalan di Plaza Tol Jalan Duta, Kuala Lumpur, malam kelmarin.* (Foto Asyraf Hamzah/BH)

**Kuala Lumpur:** Akibat panik serta bimbang ditahan, seorang warga Indonesia nekad meninggalkan isterinya dan melarikan diri ketika pemeriksaan kenderaan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di Plaza Tol Jalan Duta, di sini, malam kelmarin.

Dalam kejadian pada jam 9.30 malam, lelaki berusia 30 tahun yang menunggang motosikal jenis Honda Vario itu melarikan diri selepas diminta mengemukakan lesen motosikal dan dokumen pengenalan diri oleh pihak penguat kuasa ketika Op Bersepadu.

Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Operasi) JPJ, Aedy Fadly Ramli, berkata lelaki terbabit diminta memberhentikan motosikal ditunggang bersama isterinya sebelum dia berpura-pura membuat panggilan telefon.

Beliau berkata, suspek kemudian melarikan diri sejauh 200 meter menghala ke tengah lebuh raya sebelum berjaya ditahan beberapa anggota penguat kuasa.

"Hasil semakan lanjut mendapati pasangan suami isteri itu berasal dari Surabaya, Indonesia, dan masing-masing tidak mempunyai dokumen sah. Mereka sedang dalam perjalanan dari Shah Alam ke Segambut," katanya pada sidang media, di sini.

Sebanyak 318 notis kesalahan dikeluarkan dalam operasi bermula jam 8 malam hingga 12 tengah malam itu.

Ia meliputi 158 kes membabitkan kesalahan Lesen Kenderaan Motor, nombor pendaftaran kenderaan (73), cermin gelap (66), kesalahan teknikal (sembilan), kesalahan lampu HID (tujuh) dan cermin sisi (lima).

Pemeriksaan lain turut dijalankan agensi terbabit, termasuk pematuhan prosedur operasi standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara (PPN), mengenal pasti pendatang asing tanpa izin (PATI) yang menetap lebih masa, penyalahgunaan pas lawatan sosial dan tiada dokumen pengenalan diri.

Selain itu, penyalahgunaan dadah serta penguatkuasaan Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 dan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003.

Operasi Bersepadu berkenaan disertai 129 anggota daripada pelbagai agensi penguatkuasaan, termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

BERNAMA

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>24 October 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Bukit Tarek: Air Selangor mohon kerja penyambungan |
| Muka Surat | : | 8 |



**WAKIL agensi kerajaan mengadakan lawatan ke Kampung Bukit Tarek, Selangor, semalam. – FB TUAN IBRAHIM**

# Bukit Tarek: Air Selangor mohon kerja penyambungan

**Oleh AHMAD FADHLULLAH ADNAN**
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Air Selangor sudah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) untuk melakukan kerja penyambungan paip awam bagi membekalkan air kepada penduduk di Kampung Melayu Bukit Tarek, Hulu Selangor.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, wakil Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Air Selangor, Lembaga Zakat Selangor, Pejabat Tanah, Jabatan Perhutanan dan Penghulu Mukim Ulu Yam turut mengambil inisiatif membuat tinjauan di kampung tersebut semalam.

"Lawatan ini dilakukan susulan laporan *Utusan Malaysia* bertarikh Rabu lepas bertajuk, "*30 tahun tiada air, elektrik dan jalan raya*"," katanya dalam hantar Facebook beliau semalam.

*Utusan Malaysia* sebelum ini melaporkan penderitaan dihadapi penduduk kampung berkenaan yang berdepan masalah ketiadaan bekalan air dan elektrik serta jalan raya sejak 30 tahun lalu.

Walaupun kedudukan kampung itu berhampiran Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), seramai 300 penduduknya masih melalui kehidupan menggunakan mesin penjana kuasa, bateri kereta dan panel solar untuk bekalan elektrik.

Malah, mereka juga masih menadah air hujan dalam takungan besar untuk kegunaan dan keperluan harian.

Menurut Tuan Ibrahim, wakil tersebut juga sudah bertemu dengan pemilik tanah dan akan mendapatkan beberapa butiran lanjut termasuk status tanah serta penduduk sebenar kawasan itu.

"Dianggarkan terdapat 40-50 unit rumah dalam kawasan seluas 840 hektar. Jarak kampung dengan jalan utama sekitar sembilan kilometer.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>23 October 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Raja Muda Selangor lancar buku Pelan Strategik JAIS 2020-2024 |
| Muka Surat | : | 42 |



## Raja Muda Selangor lancar buku Pelan Strategik JAIS 2020-2024

RAJA Muda Selangor, Tengku Amir Shah berkenan menyempurnakan pelancaran buku Pelan Strategik Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) 2020-2024.

Tengku Amir Shah menyempurnakan pelancaran tersebut ketika berangkat ke majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat Negeri Selangor di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam.

Sambutan tersebut bertemakan 'Manhaj Rabbani, Ummah Berkualiti' diserikan bacaan berzanji serta selawat diikuti pengkisahan sirah Rasulullah SAW yang disampaikan oleh Datuk Muhamad Abdullah Al-Amin.

Yang hadir sama Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Pengarah JAIS, Datuk Shahzihan Ahmad.

■ TENGKU Amir Shah berkenan melancarkan buku Pelan Strategik Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) 2020-2024 di Shah Alam.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>24 October 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | NASIB TERBELA |
| Muka Surat | : | 9 |

# NASIB TERBELA

## *Lima beradik yatim piatu terima pencen penakat Perkeso arwah ibu*

**Oleh Redzuan Muharam**
redzuan.muharam@hmetro.com.my

**Seri Kembangan**

Nasib lima beradik yang kematian ibu bapa akibat jangkitan Covid-19 mendapat perhatian Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang menyampaikan sumbangan Faedah Pengurusan Mayat (FPM) serta Pencen Penakat, semalam.

Sumbangan itu disampaikan Menteri Sumber Manusia Datuk Seri M Saravanan kepada datuk kepada lima beradik berkenaan iaitu Abdul Razak Basiron, 67, di kediaman mereka dekat Kota Perdana di sini.

Saravanan berkata, FPM merangkumi bayaran sekali bayar iaitu RM2,000 manakala Pencen Penakat berjumlah RM835.70, iaitu faedah menerusi Skim Keliatan di bawah Akta 4 dibayar setiap bulan kepada semua anak waris sehingga mereka mencecah usia 21 tahun atau tamat pengajian ijazah pertama.

Beliau berkata, buat masa ini, kedua-dua bayaran faedah itu disalurkan kepada Abdul Razak yang kini memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga dan penjaga lima beradik itu.

> "Ini hari paling sedih bagi saya apabila bertemu lima anak kehilangan ibu bapa akibat Covid-19"
> Saravanan

"Ini hari paling sedih bagi saya apabila bertemu lima anak berusia tiga hingga 11 tahun yang kehilangan ibu bapa akibat Covid-19.

"Mujur majikan ibu lima kanak-kanak ini mencarum dengan Perkeso, jadi mereka layak menerima bantuan pencen bulanan yang diberi kepada datuk mereka.

"Perkeso turut mengambil mereka sebagai anak angkat dan menanggung (kos pengajian) sekiranya mereka mahu menyambung pengajian ke peringkat universiti," katanya selepas melakukan kunjungan ziarah dan menyampaikan sumbangan.

Hadir sama Ketua Eksekutif Perkeso Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, Ketua Cawangan Skuad Prihatin dan Sinergi Ismail Abi Hashim dan Pengurus Pejabat Perkeso Putrajaya R Thavamani.



SARAVANAN (kiri) menyampaikan sumbangan kepada lima beradik yang kehilangan ibu bapa akibat jangkitan Covid-19 sambil diiringi Dr Mohammed Azman.

Sementara itu, Abdul Razak berbesar hati menerima kunjungan KSM dan Perkeso selain bantuan disampaikan kepada keluarganya.

Kata Abdul Razak, dia sedia memikul tanggungjawab menjaga kelima-lima cucunya itu dengan sebaik-baiknya dan menerima ketentuan Ilahi walaupun terkesan dengan pemergian anaknya, Ida Haryanie, 38, dan menantunya, Hasil Tahal, 46.

"Terima kasih Perkeso dan menteri kerana sudi datang ziarah kami.

"Tiada masalah jaga anak arwah kerana mereka cucu saya dan hubungan kami rapat.

"Selain Perkeso, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pusat zakat, Perdana Menteri (Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob), Menteri Besar Selangor (Datuk Seri Amirudin Shari) dan Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti) juga tampil beri sumbangan dan keperluan asas," katanya.

Hasil yang juga pemilik syarikat binaan meninggal dunia pada 11 Ogos lalu selepas 18 hari bertarung nyawa akibat jangkitan Covid-19.

Ida Haryanie pula menghembuskan nafas terakhir pada 7 Oktober selepas 64 hari bertarung nyawa.

Kedua-duanya diintubasi (ditidurkan) ketika menerima rawatan di Hospital Putrajaya.

Pasangan itu meninggalkan lima anak iaitu Hadrami, 11, Humaira, 9, Harraz, 8, Hawwas, 6, dan Hannan.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>24 October 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | HIKMAH MEMPERINGATI MAULID NABI SAW |
| Muka Surat | : | 15 |

LENTERA HADIS

# HIKMAH MEMPERINGATI MAULID NABI SAW



Bersama
**Dr Mohd Khafidz Soroni**



RASULULLAH makhluk teragung ditinggikan kedudukannya di sisi Allah dan membawa rahmat kepada seluruh alam.

Sesuatu itu menjadi mulia apabila dimuliakan dan ditinggikan kedudukannya oleh Allah SWT. Adalah hak Allah SWT untuk memuliakan dan meninggikan kedudukan sebahagian makhluk-Nya ke atas sebahagian yang lain. Berdasarkan pelbagai dalil yang jelas, makhluk teragung yang dimuliakan dan ditinggikan kedudukannya oleh Allah SWT ialah baginda Nabi SAW. Tiada satu makhluk pun yang dapat menandingi maqam baginda SAW yang amat istimewa di sisi Allah SWT.

Oleh itu, maulid (kelahiran) Nabi SAW menjadi penanda aras bagi kejadian luar biasa ini. Bagaimanapun, setiap kali tiba Rabiulawal, isu sambutan Maulid Nabi SAW menjadi isu klise yang sering diperkatakan dalam kalangan masyarakat sama ada setuju atau tidak setuju menyambutnya.

Berdasarkan fakta sejarah, terdapat ramai ulama yang mengambil berat terhadap topik maulid Nabi SAW sehingga banyak kitab yang dikarang mengenainya. Sebahagian kitab maulid ini ditulis dengan gubahan gaya bahasa yang tinggi dan puitis. Menurut as-Sayyid Ahmad al-Ghumari dalam Ju'nah al-'Attar, orang pertama yang diketahui menyusun mengenai maulid ialah al-Waqidi, pengarang kitab al-Maghazi (wafat 206H atau 209H). Beliau menyusun dua kitab mengenainya iaitu al-Maulid al-Nabawi dan Intiqal al-Nur al-Nabawi, sebagaimana yang dinukilkan sebahagiannya oleh as-Suhaili dalam kitab ar-Rawdh. Kemudian al-Hafiz Muhammad bin A'id (wafat 233H) dan al-Hafiz Ibn Abi Asim (wafat 287H).

> Jumlah kitab maulid yang besar menunjukkan betapa ulama mengambil berat terhadap aspek ini dan berpendapat harus memperingati maulid Nabi SAW

Ramai ulama hadis yang mengambil berat terhadap aspek maulid ini. Antaranya, al-Hafiz Ibnu al-Jawzi (wafat 597H) dengan judul: al-Arus dan al-Hafiz Ibn Dihyah al-Kalbi (wafat 633H) dengan judul: al-Tanwir min Maulid al-Siraj al-Munir serta menghadiahkannya kepada al-Malik al-Muzaffar, Raja Irbil yang selalu menyambut malam dan siang maulid Nabi SAW dengan sambutan meriah yang tidak pernah didengari seumpamanya. Baginda membalas beliau dengan banyak ganjaran hadiah.

Antara mereka lagi, al-Hafiz al-Ala'i (wafat 761H) dengan judul: ad-Durrah as-Saniyyah, al-Hafiz Ibn Kathir (wafat 774H) dengan judul: Maulid al-Nabi SAW, al-Hafiz al-Iraqi (wafat 808H) dengan judul: al-Mawrid al-Hani, al-Hafiz Ibn Nasir ad-Din (wafat 842H) dengan tiga judul: Jami' al-Athar fi Maulid al-Mukhtar (tiga juzuk), al-Maurid as-Sodi dan al-Lafz ar-Ra'iq, al-Hafiz Ibn Hajar (wafat 852H) dengan judul: Tuhfat al-Akhbar dan al-Hafiz al-Sakhawi (w. 902H) dengan judul: al-Fakhr al-'Alawi.

Antara kitab maulid yang masyhur di Nusantara dan banyak dibaca orang sehingga kini ialah kitab Maulid al-Daiba'i oleh al-Muhaddith Abd al-Rahman bin Ali al-Daiba'i (wafat 944H) dan kitab 'Iqd al-Jauhar oleh as-Sayyid Ja'far bin Hasan al-Barzanji (wafat 1177H), mufti Syafi'iyyah di Madinah. Kitab beliau terkenal disebut dengan Maulid al-Barzanji dan disyarah oleh beberapa ulama serta diterjemahkan ke pelbagai bahasa.

As-Sayyid Muhammad Abd al-Hayy al-Kattani menyenaraikan hampir 130 kitab maulid dalam karyanya al-Ta'alif al-Maulidiyyah. Syeikh Solah ad-Din al-Munjid pula menyenaraikan sekitar 160 kitab maulid dalam kitab Mu'jam Ma Ullifa 'an Rasulillah SAW dan dijangkakan masih banyak lagi kitab maulid yang belum disenaraikan.

Jumlah kitab maulid yang besar ini menunjukkan betapa ulama mengambil berat terhadap aspek ini dan berpendapat harus memperingati maulid Nabi SAW. Bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa ada sesetengah kitab maulid ini bersandarkan kepada riwayat palsu. Namun sangka baik kita, pengarangnya tidak akan memuatkannya dalam karya mereka sekiranya mereka tahu dan yakin kepalsuannya. Sesetengahnya pula adalah riwayat yang terdapat khilaf dalam kalangan ulama dan sekurang-kurangnya hadis yang daif harus digunakan dalam bab sirah, hikayat dan fadha'il.

> Penyusunan kitab maulid bertujuan mengiktiraf nikmat besar diperoleh melalui Nabi SAW

Penulis berpendapat, agak berlebihan jika ada yang menyarankan sebahagian kitab ini perlu dibakar atau melabelkannya sebagai bidaah dengan tujuan menyesatkan pengarangnya. Sedangkan kritikan boleh dibuat dengan cara yang lebih berhemah dan beradab. Jika benar sandaran dalil sesuatu perkara itu adalah palsu atau batil secara ijmak ulama maka kaedah yang betul ialah dinyatakan sahaja di nota kaki. Tidak perlu dibakar atau disesatkan.

Penyusunan kitab maulid mengandungi tujuan penting yang sewajarnya disematkan dalam jiwa pembacanya iaitu mengiktiraf nikmat besar yang diperoleh melalui Nabi SAW, menanamkan kecintaan terhadap baginda, mengamalkan sunah dan berpegang teguh dengan ajarannya sepanjang hayat. Sesungguhnya mendengar riwayat hidup Nabi SAW dan kesempurnaan peribadinya bagi orang yang cinta tidak akan mendatangkan rasa jemu serta bosan. Apatah lagi seseorang itu akan bersama dengan orang yang dicintainya di akhirat kelak.

**Penulis Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis & Akidah (Inhad), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis)**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 October 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | 80km laluanberbasikal bakal dibina di shah alam |
| Muka Surat | : | 15 |

# 80km laluan berbasikal bakal dibina di Shah Alam



**ZAMANI (empat dari kiri) melancarkan program Hari Sukan MBSA di Kota Kemuning, Shah Alam semalam.**

**SHAH ALAM** – Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) merancang untuk menyediakan laluan berbasikal sepanjang 80 kilometer (km) di sekitar bandar raya ini bagi menyokong aktiviti tersebut.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Zamani Ahmad Mansor berkata, setakat ini, sepanjang 30km laluan berbasikal telah disiapkan selepas dimulakan sejak 2013 bermula di pusat bandar Shah Alam dan terbaharu di Seksyen 7.

Menurut beliau, baki 50km trek berbasikal akan dilaksana secara berfasa membabitkan laluan baharu di Seksyen 13, 18, 20 dan 24 selain penyambungan laluan sedia ada di Seksyen 2, 5 dan 7.

"Inisiatif ini dilaksanakan selaras dengan matlamat pembangunan mapan di bawah bidang kesihatan untuk menjadikan Shah Alam sebagai bandar sukan serta rekreasi," kata beliau.

Zamani berkata demikian kepada pemberita selepas melepaskan peserta program berbasikal sempena pelancaran Hari Sukan MBSA 2021 di Pejabat MBSA, Kota Kemuning di sini semalam.

Zamani memberitahu, bandar raya Shah Alam sesuai dijadikan bandar sukan kerana mempunyai banyak tasik dan pusat rekreasi yang turut dikunjungi pengunjung dari luar daerah ini.

"Selain itu, orang ramai boleh melakukan aktiviti lain seperti joging, zumba dan senamrobik di tempat-tempat rekreasi sedia ada," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>23 October 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Dakwaan klang daerah berbahaya di asia tidak benar |
| Muka Surat | : | 14 |

# Dakwaan Klang daerah berbahaya di Asia tidak benar



**DAKWAAN bahawa Bandar Klang tidak selamat di Asia adalah tidak benar dan keterlaluan.**

**KLANG** – Penyebaran berita mendakwa daerah ini antara bandar berbahaya di Asia adalah tidak benar sama sekali dan ditulis tanpa fakta kesahihannya.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin berkata, masyarakat dapat menilai kesahihan isu yang menjadi tular berdasarkan pemerhatian umum dan sumber teknologi sedia ada.

Katanya, penyebaran maklumat tidak tepat bukan saja menjatuhkan imej 'pencetus' tular itu malah memberi persepsi negatif kepada lokasi yang dinyatakan.

"Berita itu membuka banyak mata bahawa tidak semua perkara tular adalah benar dan ia sesuatu yang tidak beretika.

"Meletakkan Klang sebagai bandar berbahaya di Asia dianggap keterlaluan dan kajian dilakukan juga boleh diragui berdasarkan sumber yang diguna pakai," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

*Kosmo!* pada 4 Oktober lalu melaporkan Polis Selangor menafikan laporan sebuah laman sesawang yang mendakwa Klang disenaraikan sebagai bandar paling tidak selamat di Asia Tenggara.

Jelas Ahmad Fadzli, isu keselamatan di Klang ditangani secara bersepadu oleh semua agensi mengikut skop tugasan masing-masing.

"Selain itu, fakta menunjukkan bahawa indeks jenayah masih terkawal. MPK sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa terutama polis dalam memastikan bandar diraja ini selamat diduduki selaras dengan konsep Klang Sejahtera," ujarnya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**23 October 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Asakan toman `enam jahanam` di tasik unisel |
| Muka Surat | : | 22 |

# Asakan toman 'enam jahanam' di tasik Unisel




TASIK di Unisel, Bestari Jaya, Selangor bukan sahaja indah bahkan kaya dengan hidupan toman.

MENJADI satu kepuasan sekiranya dapat menakluki toman bersaiz mega di The Tomanz, Unisel.

**Gewang**

Oleh DZUL ASYRAF

SETELAH hampir setahun penulis berehat dalam dunia perburuan 'spesies berkepala ular', kini penulis kembali. Kali terakhir penulis mengikuti *trip* ialah sekitar bulan Disember tahun lalu di Empangan Klau, Raub, Pahang sebelum aktiviti memancing tidak dibenarkan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan.

Ikan toman *(Channa micropeltes)* merupakan ikan trofi dalam kategori ikan sukan *(game fish)* bagi penggemar teknik *casting*, maka tidak hairanlah spesies ini menjadi buruan kaki *casting*.

Baru-baru ini, penulis telah dipelawa oleh salah seorang 'orang kuat' The Tomanz, Amirul Hakim untuk datang merasai sendiri pengalaman menduga penghuni tasik di Universiti Selangor (Unisel), Bestari Jaya, Selangor itu.

Pada hari yang dijanjikan, penulis telah disambut oleh Hasril Abu Hassan selaku pengasas The Tomanz yang kebetulan berada di situ.

Menurut Hasril, idea penubuhan The Tomanz bermula sekitar tahun 2018 apabila Presiden dan Naib Canselor Unisel, Prof. Datuk Dr. Mohammad Redzuan Othman mencadangkan supaya tasik di sekitar Unisel dijadikan kawasan rekreasi untuk pengunjung.

"Memandangkan tasik utama Unisel dihuni ikan toman bersaiz mega, selain terjadi juga beberapa insiden serangan melibatkan ikan toman, jadi kita memutuskan untuk mengkomersialkan tasik-tasik dalam Unisel untuk pemburu ikan toman.

"Pukul 9 pagi hingga 10 pagi adalah waktu terbaik memburu ikan toman di The Tomanz ini dan teknik *casting* atau kaedah CnR *(catch and release)* sahaja yang dibenarkan," ujarnya.

Setiap pemancing dikenakan bayaran sebanyak RM50 sehari dengan terdapat tiga buah tasik untuk para *caster* memburu toman. Pelbagai kemudahan disediakan seperti *paddle-boat*, kabin untuk berehat, surau dan lain-lain untuk para pemancing yang berkunjung ke The Tomanz.



ORANG ramai boleh memancing ikan sama ada dari atas tanah atau dengan menaiki bot atau kayak.




THE TOMANZ di Unisel ini merupakan lokasi memancing yang menarik untuk dikunjungi kaki-kaki pancing.

Selain memancing dari atas tanah *(landbase)*, pemancing juga boleh membawa bot persendirian atau kayak untuk memancing di The Tomanz.

Untuk makluman, toman seberat 6.9 kilogram merupakan rekod terbesar ditakluk dari tasik itu yang dipegang oleh Vincent Gan dari pasukan MonsterCraft.

Untuk mencuba nasib di The Tomanz, penulis memilih menggunakan joran aksi sederhana 7-14lb yang dipadankan dengan mesin *baitcasting* (BC) ratio 7:3:1. Tali utama yang disyorkan adalah 15lb ke atas berserta *leader* jenis serap hentakan *(shock leader)* 20lb ke atas. Gewang jenis *giant soft frog* pula menjadi taruhan.

Penulis lebih memilih untuk *sight-cast* di sangkar ikan tilapia merah kerana kelibat toman bujang kelihatan bermain-main di sekitar kawasan itu.

Selepas beberapa balingan, terasa seperti ketukan dari tepi sangkar tetapi hampa, hanya usikan nakal daripada si bujang.

Puas di *spot* sangkar, penulis beralih ke lokasi yang berdekatan kabin The Tomanz kerana terdapat beberapa *boiling* (gelembung toman ketika mengambil udara di permukaan) kelihatan.

Kali ini, penulis menggunakan gewang jenis *pencil*, kerana berdasarkan pengalaman penulis sebelum ini di Tasik Wetland, Putrajaya, penggunaan *pencil* ataupun *buzzbait* sangat efisien dalam memikat toman bersaiz mega, terutamanya yang membawa anak. Ini kerana, *pencil* atau *buzzbait* menghasilkan bunyi yang mengganggu dan menarik perhatian toman untuk menghentam gewang.

Balingan pertama penulis di tengah-tengah kerancakan *boiling*, gewang penulis dihentam si penghuni tasik sekali gus menyebabkan joran penulis melengkung, namun hanya sempat menahan asakan kurang daripada 30 saat sebelum gewang dimuntahkan.

Beberapa balingan selepas itu agak hampa, tiada ketukan atau sambaran dirasakan penulis walaupun pelbagai jenis gewang penulis gunakan untuk memikat tetapi toman di sini begitu culas untuk membaham umpan.

Seorang pemancing yang sebelum itu berada di tasik utama menunjukkan kepada penulis, *snap* yang terkangkang akibat asakan toman mega di tasik utama. Jelasnya lagi, untuk memancing di tasik utama, gewang permukaan dan *soft plastic* begitu digemari oleh penghuni di situ.

Dia dengan berseloroh memberitahu penulis, terdapat kira-kira enam ekor toman mega di tasik utama. Para pemancing yang biasa memancing di tasik utama menggelar ikan-ikan tersebut sebagai geng 'enam jahanam'.

Penulis mengambil keputusan untuk berhenti memandangkan jam menunjukkan pukul 12 tengah hari dan keadaan tasik agak tenang, tiada lagi *boiling* mahupun kelibat toman bujang mengejar anak-anak ikan.

Walaupun 'kumpaw' (istilah memancing untuk *caster* yang tidak mendapat hasil), penulis berjanji akan kembali semula dengan persediaan yang rapi selain membawa bot sendiri.

Kepada yang minat memburu toman mega, kunjungilah The Tomanz yang pasti memberikan pengalaman mencabar dan mengujakan.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 23 October 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian Online |
| Tajuk Berita | : | Pelabur Eropah beri komitmen kukuh labur RM14.1 bilion - MITI |
| Muka Surat | : | - |

Wadah Pembaharuan
BH ONLINE





2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 23 October 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | KOSMO Online |
| Tajuk Berita | : | Asakan toman ‘enam jahanam’ di tasik Unisel |
| Muka Surat | : | - |



Asakan toman 'enam jahanam' di tasik Unisel









**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**23 October 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | KOSMO Online |
| Tajuk Berita | : | Undi18: Selangor akan pinda undang-undang tubuh negeri |
| Muka Surat | : | - |


Kosmo!

Undi18: Selangor akan pinda undang-undang tubuh negeri

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 22 October 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | KOSMO Online |
| Tajuk Berita | : | Klang masih selamat diduduki |
| Muka Surat | : | - |


Kosmo!

Klang masih selamat diduduki

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**23 October 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Malaysiakini Online |
| Tajuk Berita | : | Pelabur Eropah beri komitmen labur RM14.1 bilion di M'sia - Miti |
| Muka Surat | : | - |






**Pelabur Eropah beri komitmen labur RM14.1 bilion di M'sia - Miti**

Diterbitkan: Oct 23, 2021 8:15 AM

Dikemaskini: 8:15 AM

Misi Perdagangan dan Pelaburan (TIM) ke Eropah dari 13 hingga 21 Okt, 2021, yang diketuai oleh Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mohamed Azmin Ali telah membuahkan hasil yang menggalakkan, dengan pelabur Eropah memberi komitmen yang kukuh untuk melabur sejumlah RM14.1 bilion di Malaysia.

Menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) dalam kenyataan, potensi pelaburan langsung asing (FDI) dari Jerman sebanyak RM10.7 bilion manakala potensi FDI dari Perancis dan United Kingdom, masing-masing sebanyak RM2.6 bilion dan RM800 juta.

"Pada masa sama, nilai eksport produk Malaysia bernilai RM400 juta (RM50 juta ke Jerman, RM300 juta ke Perancis dan RM50 juta ke United Kingdom) dijangka direalisasikan pada tahun-tahun akan datang," menurut Miti.

Katanya usaha transformasi ekonomi Malaysia terutamanya dalam memacu agenda alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) diterima dengan baik oleh komuniti perniagaan Eropah.

Pengiktirafan terhadap penekanan baru Malaysia mengenai agenda kemampanan yang dilihat sepanjang misi ini mengesahkan keyakinan berterusan pelabur dan pengimport Eropah terhadap Malaysia, sebagai destinasi perniagaan pilihan dan pintu masuk strategik kepada perniagaan Eropah untuk meneroka lebih jauh ke rantau Asia Tenggara dan pasaran Asia Pasifik yang lebih besar.

Sepanjang TIM, Mohamed Azmin berkongsi mengenai visi Malaysia dalam agenda mampan, terutamanya sasaran Malaysia untuk mencapai pelepasan gas rumah hijau karbon sifar bersih paling awal menjelang 2050, seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

"Berdasarkan pelbagai peluang dalam teknologi hijau Malaysia dan sektor mobiliti hijau serta dalam industri lain yang bernilai tinggi, perniagaan dan pelabur Eropah berharap dapat meningkatkan penyertaan dalam bidang penting itu yang menjadi antara tumpuan utama dalam aspirasi pembangunan ekonomi Malaysia," katanya.

Dalam pertemuan dengan delegasi United Kingdom, kementerian turut mengenal pasti peluang kerjasama dalam bidang Industri 4.0, tenaga boleh baru dan kemampanan serta memanfaatkan kedudukan Malaysia dalam Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) untuk mengembangkan lagi kedudukan mereka di rantau ini.

*- Bernama*

## Nyatakan sokon

Berjuta-juta orang bergantung kepada Malaysiakini untuk melaporkan kebenaran. Berjuta-juta orang bergantung kepada Malaysiakini sebagai sumber kewartawanan berkualiti. Berjuta-juta orang bergantung kepada Malaysiakini untuk mempertahankan ketelusan dan keadilan.

Tanpa tauke untuk menentukan bentuk pemberitaan: bebas daripada pengaruh politik dan komersial. Malaysiakini hanya mempunyai satu sahaja bos - anda, rakyat.

Mengambil kesempatan ini, kami ingin mengucapkan terima kasih atas rasa cinta anda kepada tanah air serta kepercayaan yang diberikan untuk kami menggalas tugas ini - sebagai semak dan imbang kepada kekuasaan. Kami bergantung kepada langganan anda untuk mempertahankan pendirian ini. Terima kasih.

Langgan Sekarang

Lagi berita seperti ini :
#ekonomi & kewangan
#miti
#mohamed azmin ali

Lihat Komen

**Paling Popular**
**Terkini**

TENTANG
Tentang Malaysiakini
Staf
Jawatan Kosong
Program Latihan
PENGIKLANAN
LANGGANAN
SUMBANGAN
DIGITAL NETWORK
KiniTV
VOIZ Asia
FG Media
Undi.info
Kini Academy
News Metrics
TERMS OF USE
Syarat Penggunaan
Dasar Privasi
PERTANYAAN UMUM
+603-7770 0000
SUBSCRIPTION / TECH
SUPPORT
+603-7770 0017
[email protected]
EDITORIAL
[email protected]
LOKASI
No. 9, Jalan 51/205A, Off
Jalan Tandang, 46050
Petaling Jaya, Selangor
RSS FEEDS
Berita
Kolum
Surat

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**22 October 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Malaysiakini Online |
| Tajuk Berita | : | MP PKR minta empat Adun paling tadah tanding atas tiket bebas |
| Muka Surat | : | - |



**MP PKR minta empat Adun paling tadah tanding atas tiket bebas**
Oct 22, 2021 5:57 AM

Dikemaskini 5:57 AM

Empat Adun Melaka yang berpaling tadah sehingga menyebabkan kejatuhan kerajaan negeri tersebut pada bulan lalu perlu bertanding sebagai calon bebas dalam pilihan raya negeri nanti, kata seorang ahli Parlimen PKR.

Ahli Parlimen Selayang William Leong Jee Keen dalam satu kenyataan menegaskan bahawa Pakatan Harapan juga tidak boleh membiarkan mereka bertanding di bawah gabungan itu.

"Keempat-empat Adun yang menarik sokongan terhadap ketua menteri dan menyebabkan kejatuhan kerajaan negeri Perikatan Nasional di Melaka harus bertanding atas tiket bebas.

"Mereka mempunyai tanggungjawab dan kewajiban untuk membuktikan tindakan mereka yang menjatuhkan kerajaan mereka sendiri dilakukan dengan tujuan menegakkan prinsip dan ideologi parti mereka.



"Mereka harus membuktikan bahawa pengundi setuju bahawa yang itu adalah (sifat) ketua menteri dan bukan mereka yang menyimpang dari prinsip.

"Keempat-empat Adun ini harus bertanding secara bebas supaya mereka boleh dinilai oleh pengundi mereka. Mereka tidak boleh bersembunyi di bawah tiket parti politik lain," katanya.

Kenyataan Leong itu dibuat susulan terdapat spekulasi bahawa PH akan menerima keempat-empat Adun tersebut - Idris Haron (Umno-Sungai Udang), Nor Azman Hassan (Umno-Pantai Kundor), Noor Effandi Ahmad (Bersatu-Telok Mas), dan Norhizam Hassan Baktee (Bebas-Pengkalan Batu) - sebagai calon mereka dalam pilihan raya negeri Melaka.

Sebelum ini, beberapa pemimpin PH telah menyuarakan kebimbangan mereka untuk bekerjasama dengan keempat-empat Adun tersebut. Isu itu juga menyebabkan ketegangan tercetus dalam gabungan itu.

Mengulas lanjut, Leong mendakwa bahawa dengan menerima keempat-empat Adun itu akan membawa kesan yang memalukan kepada PH, termasuk imej politik yang akan "tercemar sehingga tidak dapat diperbaiki".

"Keempat-empat Adun itu asalnya dari parti-parti yang menyokong politik perkauman dan ideologi menegakkan ketuanan Melayu.



"Sekiranya PH / PKR menerima mereka masuk, itu bermaksud gabungan ini tidak lagi serius dalam agenda reformasi, manifesto, ideologi, dan perjuangannya untuk perubahan.

"Ini bermaksud gabungan ini tidak lebih dari oportunis politik yang mencari jawatan, kepentingan dan kuasa, dan tidak ingin melaksanakan perubahan," katanya.

Leong berkata, pengundi tidak akan lagi mempercayai calon PH untuk melaksanakan reformasi dan dasar yang mereka pegang ketika diundi.

Katanya, bekerja dengan pengkhianat bermakna PH bersedia untuk meneruskan "sarkas" majoriti parlimen yang telah dimulakan sejak rampasan kuasa ketika Langkah Sheraton.

Dia juga menuduh ahli politik sedemikian seperti menjual sokongan mereka kepada pembida tertinggi dan mengabaikan kerosakan yang berlaku terhadap negara, yang disebabkan oleh masalah politik.

Sebelum ini, wakil rakyat PKR seperti Hassan Karim (Pasir Gudang), Chua Wei Kiat (Rawang), Simon Ooi (Bukit Atang), Jimmy Puah (Bukit Batu), dan Sandrea Ng (Teja) turut secara terbuka telah menyuarakan bantahan mereka.

**Nyatakan sokon**

Berjuta-juta orang bergantung kepada Malaysiakini untuk melaporkan kebenaran. Berjuta-juta orang bergantung kepada Malaysiakini sebagai sumber kewartawanan berkualiti. Berjuta-juta orang bergantung kepada Malaysiakini untuk mempertahankan kebenaran dan keadilan.

Tanpa tauke untuk menentukan bentuk pemberitaan bebas daripada pengaruh politik dan komersial, Malaysiakini hanya mempunyai satu suara tuan - anda sokong.

Mengambil kesempatan ini, kami ingin mengucapkan terima kasih atas rasa cinta anda kepada tanah air serta kepercayaan yang diberikan untuk kami menggalas tugas ini - sebagai sensor dan lorong kepada kebenaran. Kami bergantung kepada langganan anda untuk mempertahankan perubahan ini. Terima kasih.

Langgan Sekarang

Lagi berita seperti ini :
#politik
#ph
#pkr
#prn melaka
#william leong
Laporan Berkaitan (5)

Lihat Komen (3)

Paling Popular
Terkini

TENTANG
Tentang Malaysiakini
Staf
Jawatan Kosong
Program Latihan
PENGIKLANAN
LANGGANAN
SUMBANGAN
DIGITAL NETWORK
KiniTV
VOIZ Asia
FG Media
UndiInfo
Kini Academy
News Metrics
TERMS OF USE
